



PEKELILING PENDAFTAR

BIL. 34 /2000

Kepada Semua Dekan Fakulti / Ketua Pusat / Provos / Ketua Bahagian
dan Staf Universiti Teknologi MARA

PERATURAN UNTUK STAF UiTM MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SAMBILAN ATAU SEPARUH MASA

Tujuan:

Surat pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi bagi mengikuti pengajian secara sambilan atau separuh masa.

Latarbelakang:

Pihak pengurusan UiTM sentiasa memberi dorongan untuk staf (akademik dan pentadbiran) meningkatkan kelayakan akademik masing-masing untuk tujuan peningkatan kerjaya dan faedah di masa hadapan. Walaupun pihak pengurusan ada menyediakan kemudahan biasiswa, namun peruntukan kewangan yang ada tidak dapat memenuhi keperluan setiap staf. Oleh kerana biasiswa merupakan satu hadiah (award), maka selain dari atas dasar kepentingan sesuatu bidang pengajian itu kepada UiTM, hanya staf yang memenuhi kriteria-kriteria dan syarat-syarat tertentu sahaja dianugerahi biasiswa UiTM.

Justeru itu pihak pengurusan tidak menyekat staf yang ingin mengikuti pengajian secara separuh masa atau sambilan. Bagaimanapun, pihak pengurusan melalui Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf telah menetapkan supaya staf yang ingin mengikuti pengajian secara sambilan atau separuh masa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Peraturan ini dikeluarkan sebagai panduan bagi membendung masalah yang sering dihadapi oleh Jabatan apabila terdapat sebahagian urusan pejabat tergendala kerana staf yang terbabit menghadapi musim peperiksaan atau perlu menyiapkan tugas kursus.

Peraturan:

Staf yang ingin mengikuti pengajian secara sambilan atau separuh masa hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut:

1. Staf hendaklah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan untuk mengikuti pengajian secara sambilan dan melaporkan kemajuan pengajian kepada Dekan Fakulti dan pihak pengurusan dari masa ke semasa.
2. Kursus atau pengajian yang diikuti mestilah tidak mengganggu tugas hakiki dan tugas-tugas rasmi lain yang diarahkan.
3. Kursus yang diikuti hendaklah di luar waktu pejabat.

4. Tidak ada sebarang pengurangan beban tugas atau jam bekerja bagi staf yang terlibat kecuali untuk tujuan mengambil peperiksaan sahaja.
5. Segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pengajian adalah tanggungan sendiri kecuali yang dipersetujui oleh pihak pengurusan.
6. Staf sentiasa tertakluk kepada peraturan-peraturan perkhidmatan dan tata tertib kakitangan termasuk arahan pertukaran ke mana-mana kampus cawangan.
7. Bagi staf akademik, bidang pengajian mestilah yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pengajaran. Sekiranya berlainan, mestilah mendapat kelulusan Dekan Fakulti.

Kebenaran:

Staf boleh memohon kebenaran untuk mengikuti pengajian secara sambilan atau separuh masa dengan menulis kepada:

Pendaftar
Pejabat Pendaftar
-UITM SHAH ALAM.
u.p. Bahagian Latihan dan Pembangunan Staf

Permohonan hendaklah disertakan dengan surat tawaran pengajian dari Universiti serta jadual kelas.

Tarikh kuatkuasa:


Peraturan ini berkuatkuasa serta merta.

Pelaksanaan dan Penguatkuasaan:

Kerjasama adalah dipohon dari Ketua-Ketua Jabatan bagi memastikan bahawa staf mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi menjamin pentadbiran dan pengurusan Jabatan khususnya dan UiTM khasnya tetap berjalan lancar dan teratur.

Sekian terima kasih.

Yang benar


HAJI MOHD ARIFFIN HAJI IBRAHIM
Pendaftar

s.k Y.Bhg Datuk Naib Canselor

Tarikh : 10 Ogos 2000
Surat Kami : 100-BPD(PT/PTA.6/3)